

General



Semua

Shop/Account Settings

Account Safety

Advisories / Resources

Penalties and Appeals

Bintang Komuniti Programme

Shopee Updates

Misconduct



Growth and Expansion



Customers



Finance and Payments



Seller Rules and Policies



Shop



Product



Marketing



Fulfilment



General > Advisories / Resources > Program Pengakuan Sukarela (PKPS ...

Program Pengakuan Sukarela (PKPS 2.0): Ambil Peluang Lunas Cukai Tanpa Penalti

18-09-2023

Tambah ke penanda

Berteraskan konsep A.E.S (Awareness, Education, Services) diamalkan di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL), Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS)2.0 memberi peluang kepada pembayar cukai baharu dan sedia ada untuk meningkatkan tahap pematuhan cukai mereka.

Ini seterusnya menggalakkan pembayar cukai secara sukarela melaporkan pendapatan yang sepatutnya dalam tempoh pelaksanaan.

Pembayar cukai baharu perlu ambil peluang

Semua kategori pembayar cukai ditawarkan PKPS 2.0 kecuali kategori fail majikan. Program ini layak disertai oleh mereka yang mempunyai pendapatan yang tidak pernah dilaporkan atau kurang dilaporkan, perbelanjaan atau tuntutan terlebih tuntutan atau tidak dibenarkan, pelepasan/ potongan atau rebat terlebih tuntutan dan elaun modal/ insentif terlebih tuntutan.

Program ini juga boleh disertai mereka yang ingin melaporkan pelupusan aset dan membuat penyeteman dokumen atau perjanjian yang tidak disetem dalam tempoh dibenarkan.



PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0

SEKIRANYA ANDA :

- * Belum Pernah Laporkan Pendapatan**
- * Belum Kemukakan Borang Nyata Cukai**
 - * Terkurang Lapor Pendapatan**
 - * Tidak Lapor Pelupusan Aset**
- * Gagal Membuat Penyeteman Surat Cara Dalam Tempoh Yang Ditetapkan**

Maklumat Lanjut Di : WWW.HASIL.GOV.MY



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



[@lhdnmofficial](https://tiktok.com/@lhdnmofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

PKPS 2.0 turut memfokuskan penyertaan pembayar cukai baharu selaras dengan pelaksanaan Nombor Pengenal Cukai (TIN) mulai tahun 2023 yang mana seramai 7.8 juta individu warganegara dan pemastautin tetap diberikan TIN secara automatik.

Taksiran ke atas pengakuan melibatkan tahun ke belakang

Taksiran ke atas pembayar cukai baharu yang telah memulakan perniagaan atau mempunyai pendapatan dibuat bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang. Taksiran ke atas pembayar cukai sedia ada pula dibuat bagi tahun 2021 dan ke belakang bagi yang pernah melaporkan pendapatan kepada HASiL tetapi tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP). Manakala, mereka yang pernah melaporkan pendapatan kepada HASiL dan mempunyai pendapatan atau pendapatan tambahan yang tidak dilaporkan ditaksir bagi tahun 2021 dan ke belakang.

Pengakuan juga boleh dibuat oleh mereka yang tidak melaporkan pelupusan aset bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang. Bagi pembayar duti, PKPS 2.0 boleh disertai sekiranya mereka mengemukakan dokumen atau perjanjian yang ditandatangani pada atau sebelum 1 Mei 2023 untuk penyeteman mulai 6 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.

Semua pengakuan sukarela bagi pendapatan tahun ke belakang akan ditaksir berdasarkan tahun taksiran yang sepatutnya seperti diperuntukkan di bawah undang-undang percukaian. Bagi Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), pengakuan sukarela atas pelaporan pelupusan aset tahun ke belakang ditaksir berdasarkan tahun taksiran aset tersebut dilupuskan.

Tiada audit, tiada penalti

HASiL menerima maklumat pengakuan sukarela dalam tempoh PKPS 2.0 dengan suci hati. Tiada tindakan audit atau siasatan akan dilakukan pada masa hadapan. Tindakan audit atau siasatan boleh diambil bagi tahun taksiran terlibat sekiranya gagal melunaskan bayaran cukai dalam tempoh masa ditetapkan. Pembayar cukai juga akan menikmati tawaran penalti pada kadar 0% bagi pendapatan yang dilaporkan menerusi program ini. Bagi duti setem pula, tawaran pengecualian pengenaan penalti sepenuhnya ke atas mana-mana dokumen atau perjanjian yang ditandatangani pada atau sebelum 1 Mei 2023 dan masih belum disetamkan.

Permohonan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja


Permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat kelayakan akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan. Walau bagaimanapun, 30 hari bekerja diambil bagi memproses permohonan melibatkan isu harga pindahan. Surat penyelesaian akan dikeluarkan bersama-sama notis taksiran/ taksiran tambahan bagi pengakuan yang memenuhi syarat-syarat ditetapkan.

Sertai PKPS 2.0 secara dalam talian

Pengakuan sukarela boleh dibuat sehingga 31 Mei 2024 di mytax.hasil.gov.my menggunakan BNCP bagi tahun-tahun taksiran terlibat.

BNCP yang tidak boleh diakses perlu dikemukakan secara manual ke Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat LHDNM berhampiran. BNCP manual termasuk Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan boleh dimuat turun dan dicetak dari Portal Rasmi LHDNM.

Bagi pembayar duti, dokumen/ perjanjian perlu dikemukakan melalui Stamp Assessment and Payment System (STAMPS) untuk proses penyeteman.



Bayaran cukai dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis

Bayaran cukai boleh dibuat sekali gus dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis atau secara ansuran sehingga 31 Mei 2024 berdasarkan aturan bayaran ansuran yang dipersetujui tanpa mengemukakan dokumen sokongan.

Permohonan aturan bayaran ansuran perlu dikemukakan melalui Pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi LHDNM atau MyTax menggunakan Borang Permohonan Bayaran Ansuran PKPS 2.0. Tindakan undang-undang dan audit boleh diambil di masa hadapan jika tunggakan cukai tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan. Jadi, mohon bayaran ansuran sekarang bagi mengurangkan komitmen bulanan.

Pendapatan diterima atau disimpan di luar negara tertakluk cukai

Pendapatan diperoleh atau terbit dari Malaysia walaupun disimpan dalam akaun bank di luar negara masih tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia. Sekiranya pendapatan tersebut belum dilaporkan, laporkannya menerusi PKPS 2.0 berdasarkan tahun taksiran ianya diperoleh dan tertakluk kepada syarat-syarat ditetapkan.

Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin juga tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia mulai 1 Januari 2022. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian cukai diberikan berhubung pendapatan tersebut yang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Sertai PKPS 2.0 sekarang!

Rebut tawaran lunas cukai tanpa penalti. Sertai PKPS 2.0 sekarang sehingga 31 Mei 2024 menerusi Portal MyTax di mytax.hasil.gov.my atau melalui pautan PKPS 2.0 di www.hasil.gov.my.

LHDN MALAYSIA

PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0

PENALTI 0%

TEMPOH PENGAKUAN SUKARELA 6 JUN 2023 - 31 MEI 2024

* Penalti 0% ke atas cukai yang dibayar dalam tempoh ditetapkan sahaja

* Penafian : Program ini tertakluk terma dan syarat.

www.hasil.gov.my | 03-8911 1000 | Kunjungi kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran

Terima kasih kerana sumbangan anda sebagai pembayar cukai menjamin kesejahteraan rakyat dan kemakmuran Malaysia.

Artikel oleh:

Seksyen Penerbitan dan Publisiti | Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia